



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE CONCEPT OF TASDIQ DARURI AND NAZARI IN THE PREPARATION OF INTELLECT'S ARGUMENT]

KONSEP TASDIQ DARURI DAN NAZARI DALAM PENYUSUNAN HUJAH AKAL

AHMAD HAFIZ ALI MAKDOM¹
MOHD HASRUL SHUHARI^{1*}
WAN HISHAMUDIN WAN JUSOH¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: hasrulshuhari@unisza.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

Abstract

The article discusses about the issue regarding the element of taṣḍīq either dārūrī or nazārī to identify more advance about the good intellect's observation towards something. This is because not all of the human mind requires argument and evidence in a case involving the knowledge that must be known usually. This qualitative research applied the method of documentation and data analysis to identify and definite taṣḍīq via the works of ancient scholars and convicts the methodology of taṣḍīq through ḍarūrī where is not applying any argumentation to determine the understanding of debate and nazārī where is applying the evidence deeply in understanding the debates. The scope of this research will focus on the topic of taṣḍīq's element for detail via the view of scholars such as al-Damanhūrī, al-Bayjūrī and so on. Then, the researcher concludes out the methodology of taṣḍīq that geared towards ḍarūrī and nazārī that cause the needful of healthy mind in solving a problem. As a result, it can be proved precisely that the reason that acquires the argument is just taṣḍīq of nazārī only after having the good taṣawwur in mind. As for the taṣḍīq that categorized as ḍarūrī can be accepted by the human mind generally without a long process of thinking for understanding an issue.

Keywords: Taṣḍīq; Ḍarūrī; Nazārī; Taṣawwur; Mind; Argument.

Abstrak

Makalah ini membincangkan isu yang membabitkan elemen taṣḍīq sama ada secara ḍarūrī mahupun secara nazārī supaya dapat mengenal pasti dengan lebih lanjut tilikan akal yang sihat kepada sesuatu perkara. Hal ini demikian kerana tidak semua akal manusia memerlukan hujah dan dalil dalam mengkonklusikan sesuatu perkara yang membabitkan pengetahuan yang mesti diketahui umum. Kajian berbentuk kualitatif ini mengaplikasikan kaedah dokumentasi dan analisis data dalam mengenal pasti takrifan taṣḍīq yang tepat melalui karya-karya ulama silam serta mensabitkan kaedah taṣḍīq yang bersifat ḍarūrī di mana tidak mengaplikasikan hujah akal

secara sistematik dan yang bersifat nazārī di mana menggunakan dalil secara tafṣīlī dalam memahami sesuatu perbahasan. Skop perbahasan akan berfokus kepada perbahasan elemen taṣdīq secara terperinci menurut pandangan para ulama seperti al-Damanhūrī, al-Bayjūrī dan sebagainya. Kemudian, pengkaji menyatakan kaedah-kaedah taṣdīq yang menjurus ke arah ḍarūrī dan nazārī yang menyebabkan perlunya akal yang sihat dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Hasilnya, dapat dibuktikan secara tepat bahawa akal yang memerlukan hujah hanyalah taṣdīq yang bersifat nazārī sahaja setelah memiliki taṣawwur yang kemas di dalam akal. Manakala taṣdīq yang berkriteriakan ḍarūrī dapat diterima oleh akal manusia secara umumnya tanpa memerlukan proses pemikiran akal yang panjang dalam memahami sesuatu isu.

Kata kunci: Taṣdīq; Ḍarūrī; Nazārī; Taṣawwur; Akal; Dalil.

Cite as: Ahmad Hafiz Ali Makdom, Mohd Hasrul Shuhari & Wan Hishamudin Wan Jusoh. 2020. Konsep Tasdiq Daruri dan Nazari dalam Penyusunan Hujah Akal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 205-213

PENGENALAN

Akal merupakan suatu kurniaan Allah SWT kepada makhlukNya yang bernama manusia. Bahkan ia merupakan suatu cahaya yang dapat memikirkan kepada suatu perkara yang baik dan jahat (Muḥammad al-Faṭānī, t.t : 14). Oleh sebab itu, manusia merupakan makhluk Allah SWT yang paling istimewa berbanding dengan makhluk Allah yang lain seperti jin, tumbuh-tumbuhan, malaikat dan sebagainya. Kelebihan nikmat akal ini membolehkan manusia berfikir dan mentadbir urusan kehidupan mereka dengan elok dan sempurna (Muhammad Rashidi & Mohd Faizul, 2013 : 31). Akal terbahagi kepada dua sama ada dipanggil sebagai akal gharīzī ataupun akal kasbī. Akal gharīzī merupakan suatu kekuatan yang dikurniakan Allah SWT pada awal-awal lagi sebagai persediaan bagi menerima suatu ilmu umpama mengetahui adanya bakal pokok kurma di dalam bijinya nisbah manusia yang dewasa. Adapun kanak-kanak yang belum mumayyiz umpamanya akan mengetahui waktu mana kanak-kanak tersebut akan lapar. Apabila kanak-kanak tersebut lapar maka dia akan bertindak untuk menangis dan hasil tindakan tersebut memberi kefahaman kepada orang lain bahawa dia sedang lapar. Manakala akal kasbī pula ialah akal yang memperolehi beberapa ilmu sama ada tidak diketahui waktu seseorang itu akan tahu ilmu tersebut seperti diberikan ilmu yang mudah kepada kanak-kanak selepas daripada mumayyiz walaupun tanpa pembelajaran ataupun diketahui waktu tertentu akan dapat ilmu tersebut melalui jalan pembelajaran (Muḥammad al-Faṭānī, t.t : 14). Walaupun begitu, interaksi dan pencernaan akal terhadap sesuatu maklumat tidak semuanya berhajat kepada tilikan yang panjang untuk memahamkan suatu natijah berfikir. Oleh sebab itu, al-Quwaysinī (2014 : 21) dan al-Damanhūrī (2011 : 14) menyatakan bahawa tilikan akal secara taṣdīq pada manusia terbahagi kepada dua iaitu bersifat ḍarūrī dan nazārī.

KONSEP TAṢDĪQ MENURUT PARA ULAMA MANTIK

Menurut al-Damanhūrī (2016 : 28), mazhab Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī yang merupakan seorang tokoh ulama kalam menyatakan bahawa taṣdīq ini memiliki taṣawwur yang empat. Hal ini demikian kerana, sesuatu perkara itu disebutkan sebagai taṣdīq apabila berhimpunnya empat

taṣawwur padanya. Empat perkara tersebut ialah wujudnya taṣawwur bagi mawḍūʿ, wujudnya taṣawwur bagi maḥmūl, wujudnya nisbah antara mawḍūʿ dan maḥmūl dan wujudnya taṣawwur berlakunya hukum penisbahan dan keterkaitan padanya. Umpamanya ayat yang terkandung di dalamnya mawḍūʿ dan maḥmūl ialah Zaid itu merupakan seorang yang berdiri. Maka jika hendak menjadikan ayat itu sebagai taṣdīq, perlulah seseorang itu taṣawwur zat Zaid, taṣawwur seorang yang berdiri, taṣawwur keterkaitan dan penisbahan antara Zaid dan seorang yang berdiri serta taṣawwur berlakunya hukum penisbahan antara Zaid dan seorang yang berdiri.

Menurut Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī sepertimana dinukilkan oleh al-Damanhūrī (2016 :28), syarat sah untuk dikatakan sebagai taṣdīq mestilah memiliki keempat-empat tasawwur sepertimana yang disebutkan. Sebaliknya, jumhur ulama mantik termasuk para hukama bahkan termasuk al-Damanhūrī sendiri menyatakan bahawa syarat sah untuk dikatakan taṣdīq itu hanyalah perlu memiliki taṣawwur yang keempat sahaja iaitu taṣawwur berlakunya hukum penisbahan antara mawḍūʿ dan maḥmūl tanpa mensyaratkan taṣawwur yang pertama hingga ketiga iaitu taṣawwur terhadap mawḍūʿ, taṣawwur terhadap maḥmūl dan taṣawwur penisbahan antara mawḍūʿ dan maḥmūl. Hal ini demikian kerana menurut hukama jika mensabitkan ayat yang memiliki mawḍūʿ dan maḥmūl, maka secara tidak langsung ia memiliki tiga bentuk taṣawwur yang awal sepertimana dibincangkan tanpa ada taṣawwur yang keempat seperti Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Jika dilihat dari aspek syarat yang dikemukakan oleh para hukama dan al-Damanhūrī sendiri itu terlebih mudah untuk dihukumkan sesuatu itu sebagai taṣdīq hasil taṣawwur yang keempat sahaja sepertimana yang telah dinyatakan. Jika dibahaskan menurut mantik, maka istilah ilmu itu akan bertukar sama ada taṣawwur ataupun taṣdīq.

Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh al-Quwaysinī (2014: 20) bahawa ilmu itu jika di sisi ulama mantik disebut sebagai taṣdīq. Menurutnya lagi, taṣdīq ini merupakan suatu pencerapan dan pengetahuan terhadap berlakunya hukum penisbahan antara mawḍūʿ dan maḥmūl merujuk kepada pernyataan yang positif dan tidak berlakunya hukum penisbahan tersebut merujuk kepada pernyataan yang negatif. Hal ini demikian kerana ilmu itu merupakan semata-mata tahu jika ia berkait dan bertaʿalluq dengan suatu perkara yang berbentuk mufrad umpama seorang manusia maka itu dinamakan taṣawwur. Sebaliknya, jika seseorang semata-mata tahu itu berkait dan bertaʿalluq dengan berlakunya hukum penisbahan secara murakkab iaitu tersusun suatu perkara yang lebih daripada satu ataupun tidak berlakunya penisbahan tersebut maka itu dinamakan sebagai taṣdīq. Jika diteliti dengan lebih mendalam, pendapat yang dikemukakan oleh al-Quwaysinī ini lebih kurang sama sepertimana yang dikemukakan oleh al-Damanhūrī dalam *Idāh al-Mubham min Maʿanī al-Sullam* dan sekalian hukama yang lain. Apabila disebut hukama' maka ia merujuk kepada ahli falsafah sepertimana disebut oleh al-Najā (2016: 32).

Menurut al-Bayjūrī (2005: 29), apabila disebut taṣdīq maka ia menuju kepada apa yang dikehendaki oleh para hukama sepertimana yang telah dibincangkan bahkan ini merupakan pendapat yang rājih ataupun kuat di sisi ulama mantik. Adapun pandangan yang disebut oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī berkenaan taṣdīq yang perlu memiliki taṣawwur yang pelbagai sebelumnya itu merupakan pendapat yang marjūh ataupun lemah di sisi ulama mantik. Seperti yang dinyatakan pandangan al-Quwaysinī bahawa adanya pernyataan terhadap maḥmūl dan mawḍūʿ yang merujuk kepada positif dan ada juga merujuk kepada negatif. Sebagai contoh ayat Muḥammad itu seorang yang faham. Maka mensabitkan hukum bahawa faham itu ada pada Muḥammad dipanggil taṣdīq yang positif iaitu benar sepertimana yang disabitkan dalam

ayat. Sebaliknya, jika mensabitkan Muḥammad itu seorang yang tidak faham ataupun seorang yang bodoh maka itu taṣdīq yang negatif bahkan tidak selari dengan ayat Muḥammad itu seorang yang faham. Menurut ‘Awḍullah Ḥijāzī (2016: 11) mensabitkan bahawa mengetahui hukum penisbahan antara mawḍū‘ dan maḥmūl itu melalui dua jalan iaitu sama ada dengan jalan yakin atau jazam mahupun dengan jalan ḡan. Maka dapat diketahui di sini bahawa hukum penisbahan berlakunya penisbahan itu bukan setakat yakin sahaja bahkan dengan jalan ḡan pun sudah dikira untuk dikatakan perkara tersebut sebagai taṣdīq.

KONSEP TAṢDĪQ BERTERASKAN ḌARŪRĪ

Menurut Muḥammad Zayn (t.t: 5), Ḍarūrī membawa maksud suatu perkara yang tidak dikehendaki oleh akal pada mendapatkan atau memahami sesuatu itu melalui pembicaraan dan tilik. Maksud yang dikehendaki pada lafaz ‘tilik’ itu ialah tidak memerlukan pendirian hujah dan dalil (al-Sumbāwī, t.t: 5). Hal ini sepakat sepertimana yang disebut juga oleh al-Ibrāhīmī (1937: 9) bahawa ilmu ataupun taṣdīq yang berelemenkan Ḍarūrī ini merupakan suatu perkara yang tidak berhajat kepada fikir dan naẓar iaitu memerlukan penghujahan dalil. Taṣdīq Ḍarūrī ini juga boleh dipanggil sebagai taṣdīq badīhī (al-Shiyrwānī, t.t: 18).

Terdapat banyak sumber ataupun contoh yang menunjukkan berlakunya taṣdīq secara Ḍarūrī menerusi kitab-kitab mantik mahupun kitab-kitab yang membahaskan berkenaan akidah. Contohnya, lapar, sejuk dan panas. Ketiga-tiga perkara tersebut tidak memerlukan hujah dan dalil yang panjang lebar untuk membenarkan bahawa suatu itu merupakan lapar ataupun sejuk ataupun panas. Begitu jugalah al-Ibrāhīmī (1937: 9) membuat contoh bahawa tidak mungkin sesuatu itu berada di dua tempat pada waktu yang sama dan satu itu merupakan separuh daripada dua.

Jika ditilik dari sudut hujah hukum akal dalam ilmu akidah pun sama dari sudut terbahaginya hukum akal yang wujūb, istiḥālāh dan jawāz kepada Ḍarūrī dan naẓarī. Contoh bagi wajib Ḍarūrī ialah taḥayyuz bagi jirim iaitu mengambil tempat kadar zatnya (Dāwūd al-Faṭānī, t.t : 10, al-Bayjūrī, 2014: 46). Selain itu, contoh bagi mustahil Ḍarūrī pula ialah jirim itu sunyi daripada gerak dan diam. Hal ini dengan makna seseorang tidak mensabitkan bahawa jirim itu tidak bergerak dan tidak diam dalam masa yang sama. Perkara ini tidak dapat diterima akal oleh semua manusia yang mempunyai akal secara Ḍarūrī melainkan mereka yang tidak memiliki dhihin yang sempurna (Zayn al-‘Ābidīn al-Faṭānī, t.t : 10, al-Bayjūrī, 2014: 46). Harus Ḍarūrī dari sudut akal seperti suatu jirim itu sama ada bersifat gerak ataupun diam dengan jalan tertentu salah satu daripada keduanya (Al-Batāwī, t.t : 4, al-Bayjūrī, 2014: 46).

Secara konklusinya dapatlah difahami bahawa taṣdīq secara naẓarī ini merupakan suatu pencerapan dan pengetahuan terhadap berlakunya hukum penisbahan antara mawḍū‘ dan maḥmūl tanpa memerlukan penelitian dan fikir yang panjang menerusi dalil-dalil. Sebagai contoh satu itu merupakan separuh daripada dua. Maka ‘satu’ itu merupakan mawḍū‘ dan ‘separuh daripada dua’ merupakan maḥmūl bagi mawḍū‘. Penisbahan yang berlaku antara satu dan separuh daripada dua itu dapat diterima oleh akal manusia secara keseluruhannya tanpa ragu-ragu dan syak bahkan tidak memerlukan dalil berorientasikan jalan kerja untuk membuktikan bahawa satu itu memang separuh daripada dua.

KONSEP TAŞDĪQ BERTERASKAN NAẒARĪ

Menurut Muḥammad al-Amīn al-Urmī (2015: 148), naẓarī itu membawa makna menggunakan fikiran dan dalil dalam mendapati sesuatu merangkumi taşawwur ataupun taşdīq. Adapun al-Shanjūrī (t.t: 1) menyatakan bahawa naẓarī itu merupakan penghasilan sesuatu natijah daripada berfikir iaitu perkara-perkara yang diketahui untuk sampai kepada perkara-perkara yang tidak diketahui. Al-Shiyrwānī (t.t: 19) menambahkan takrifan tersebut dengan makna bahawa naẓarī juga boleh didapati melalui usaha seseorang untuk mengetahui sesuatu perkara. Oleh sebab itu beliau mengatakan bahawa taşdīq secara naẓarī ini juga boleh dipanggil sebagai kasbī.

Sebagai contoh yang dibawa oleh al-Damanhūrī (2016: 28), apabila seseorang menyatakan bahawa angka satu itu merupakan separuh daripada satu per enam yang didarabkan dengan dua belas. Maka, tindakan akal seseorang tidak akan dapat difahami dengan segera kerana perkara tersebut bukanlah suatu hal yang mudah bahkan susah dan memerlukan solusi dalam permasalahan matematik. Bagi mereka yang mempunyai keahlian dalam ilmu matematik, mungkin secara tidak langsung mereka sudah mengetahui jawapannya tanpa memerlukan solusi berbentuk matematik. Hal ini demikian kerana pengiraan yang berbentuk pecahan angka tersebut sudah maklum dan diketahui dengan pantas oleh ahli matematik. Bagi orang awam yang tidak mempunyai keahlian tersebut akan menyebabkan akal mereka tidak dapat memahami jawapan dan solusi daripada pecahan angka tersebut. Oleh itu, mereka memerlukan solusi berbentuk matematik untuk mendapat jawapannya dalam keadaan mereka itu mengetahui berlakunya penisbahan pada kenyataan tersebut di dalam akal mereka. Maka terjadilah taşdīq yang bersifat naẓarī bagi orang awam dan taşdīq yang bersifat ʿarḍī bagi mereka yang mempunyai keahlian dalam bidang tersebut.

Begitu jugalah apabila seseorang menyatakan bahawa alam ini baharu. Kenyataan tersebut membabitkan penelitian akal dengan lebih lanjut. Seseorang memerlukan dalil dan bukti bahawa alam ini memang baharu. Kata al-Bayjūrī (2012: 73), dalil yang menyatakan bahawa alam ini bersifat baharu ialah saling berlaziman dengan sifat yang baharu dari sudut gerakannya dan diamnya. Maka mana-mana perkara yang melazimi dengan sifat yang baharu itu semestinya baharu juga. Begitu juga yang dikatakan oleh al-Dusūqī (2012: 145) bahawa apabila mensabitkan sesuatu zat itu baharu maka pasti zat itu memiliki sifat yang baharu dan ini mustahil bagi Allah SWT. Oleh itu, alam merupakan sebuah zat yang berjirim yang menyebabkan kenyataan alam itu baharu ialah benar berdasarkan dalil-dalil akal tersebut. Kata al-Sharqāwī (2013: 105), apabila sesuatu zat itu merupakan jirim maka lazim bagi jirim itu empat perkara iaitu tersusun, mengambil lapang, baharu dan menerima sifat yang baharu dikenali sebagai istilah ʿaraḍ. Al-Bantānī (2007: 10) menguatkan lagi bahawa jirim itu jika tersusun dipanggil sebagai jisim. Manakala jika jirim itu tidak tersusun maka dipanggil sebagai jirim fard atau jawhar fard. Oleh itu, jika seseorang hendak mengetahui secara taşdīq bahawa alam itu baharu memerlukan dalil-dalil tertentu supaya dapat diterima akal bahawa alam itu baharu merupakan suatu kenyataan yang benar berdasarkan dalil-dalil akal yang telah dinyatakan.

Begitu juga apabila seseorang mendakwa bahawa dirinya merupakan seorang rasul. Apabila seseorang ingin membenarkan perihal tersebut memerlukan kepada dalil yang terperinci untuk membuktikan bahawa dirinya memang seorang rasul. Maka Allah SWT mendatangkan kepada para rasul itu suatu perkara yang menyalahi adat. Perkara yang menyalahi adat itu

disebut dan dikenali sebagai mukjizat dan perkara tersebut merupakan suatu perkara yang luar biasa. Perkara luar biasa tersebut berlaku ke atas orang yang mendakwa bahawa dirinya seorang rasul yang membawa tugas kerasulan dan kenabian. Hal ini bertujuan untuk melemahkan kaum yang kafir yang mengingkari kewujudan ataupun dakwaan rasul di hadapan mereka (Al-Būṭī. 1996 : 266). Oleh itu, perkara tersebut menjadi dalil ke atas kebenaran seseorang yang mendakwa bahawa dirinya merupakan seorang nabi ataupun rasul.

Kesimpulannya, *taṣdīq nazarī* merupakan suatu pencerapan dan pengetahuan terhadap berlakunya hukum penisbahan antara *mawḍūʿ* dan *maḥmūl* serta memerlukan penelitian dan fikir yang panjang menerusi dalil-dalil. Umpamanya, satu merupakan separuh daripada satu per enam jika didarabkannya dengan dua belas. Maka *mawḍūʿ* bagi kenyataan tersebut ialah satu manakala *maḥmūl*nya ialah separuh daripada satu per enam jika didarabkannya dengan dua belas. Oleh itu, pengetahuan terhadap hukum penisbahan antara keduanya itu berhajat kepada solusi dan dalil yang terperinci supaya akal yang bersifat awam dapat menerima dan mencerapnya dengan sebenar. Begitu jugalah apabila dalil yang berkaitan dengan ilmu akidah bagi membuktikan sesuatu juga berteraskan *nazarī*.

HUJAH AKAL TERHADAP SESUATU MELIBATKAN TAṢDĪQ NAZARĪ

Hujah akal merupakan elemen yang amat penting dalam memelihara seseorang daripada terjatuhnya ke dalam suatu kesilapan. Kebanyakan manusia memiliki kesalahan dalam berfikir adalah disebabkan banyak faktor dan salah satunya ialah seseorang itu tidak menguasai, mendalami dan mempelajari kaedah ilmu mantik yang mendalam membabitkan al-*taṣdīqāt* dan al-*taṣawwūrāt*. Oleh itu, ia merangkumi perbincangan dari sudut al-*taṣdīqāt* yang merupakan suatu perbincangan bahkan pelengkap kepada akpek al-*taṣawwūrāt* (Ab. Latif & Rosmawati, 2009: 141).

Oleh yang demikian, jika dilihat perbincangan ulama berkenaan dengan perihal tersebut maka akan mendapati bahawa hanya *taṣdīq* yang berorientasikan *nazarī* sahaja yang memerlukan kepada hujah dan dalil bagi membuktikan kepada akal bahawa sesuatu benda itu memang terbukti pensabitannya. Buktinya, antara perkara yang memerlukan hujah akal sepertimana kata al-Saʿdī (2011: 19) ialah baharunya alam. Menurut al-Shanqīṭī (2007: 90), *mawḍūʿ* itu merupakan suatu perkara yang dihukum ke atasnya itu terdahulu atau terkemudian *fāʿil*nya atau *mubtadaʿ* pada asalnya atau *ḥāl* kerana ia terdahulu maknanya. Dengan makna bahawa ia merupakan subjek atau persoalan utama yang hendak dijelaskan mengenainya (Ab. Latif & Rosmawati, 2009: 144). Adapun *maḥmūl* pula merupakan suatu perkara yang dihukum dengannya sama ada terdahulu atau kemudian. Dengan erti kata lain bahawa ia merupakan objek atau predikat atau perkhayalan kepada sesuatu benda atau suatu perkara yang ingin dijelaskan daripada subjek utama (Ab. Latif & Rosmawati, 2009: 144). Oleh itu, *qaḍīyah* yang mengatakan alam ini baharu terdiri daripada *mawḍūʿ* dan *maḥmūl* yang sempurna yang mana alam itu merupakan *mawḍūʿ* manakala baharu itu menjadi *maḥmūl* bagi ayat tersebut.

Sebelum seseorang mentaṣdiqkan sesuatu menerusi hujah akal, terlebih dahulu seseorang perlu memiliki *taṣawwūr* yang benar juga terhadap sesuatu perkara. Hal ini dikenali sebagai al-*qawl al-shāriḥ* atau al-*taʿrīf* atau al-*muʿarrif*. Menurut al-Buḥayrī (t.t: 76), al-*muʿarrif* dari sudut bahasa membawa maksud pemberitahuan dan pengkhayalan sesuatu perkara. Manakala dari sudut istilah ulama mantik ialah perkara yang menghimpunkan sejumlah banyak

daripada afrād ataupun perkara yang melazimi daripada taṣawwur sesuatu perkara maka taṣawwur juga segala al-mu‘arraḥ (al-Buḥayrī, t.t : 76, al-Jundī, t.t: 28).

Oleh yang demikian, sebelum mensabitkan bahawa alam ini baharu maka hendaklah seseorang itu mengetahui terlebih dahulu al-qawl al-shāriḥ bagi baharu. Oleh sebab itu, Aḥmad al-Faṭānī (t.t: 5), ‘Abd al-‘Azīz al-Faṭānī (t.t: 14) dan ‘Abdullah al-Faṭānī (t.t: 41) mentakrifkan baharu sebagai suatu benda yang ada selepas daripada ketiadaan. Setelah daripada itu barulah dapat menyusun dalil secara qaḍiyah dalam membuktikan bahawa alam ini benar-benar baharu.

Susunan hujah akal dan dalil secara tafṣīlī bagi membuktikan alam ini baharu adalah sepertimana yang telah disusun oleh al-Ghazālī (2003: 24) :

<i>Al-Muqaddimah al-Sughrā</i>	Alam ini tidak terlepas ataupun sunyi daripada perkara-perkara yang baharu.
<i>Al-Muqaddimah Al-Kubrā</i>	Setiap perkara yang tidak terlepas ataupun sunyi daripada perkara-perkara baharu maka itulah baharu.
<i>Al-Natījah</i>	Alam ini baharu.

Al-Muqaddimah al-sughrā bagi ayat tersebut terdiri daripada mawḍū‘ iaitu alam manakala maḥmūl bagi qaḍiyyah tersebut iaitu tidak terlepas ataupun sunyi daripada perkara-perkara yang baharu. Begitu juga kepada al-muqaddimah al-kubrā bagi qaḍiyyah tersebut yang terdiri daripada mawḍū‘ iaitu setiap perkara yang tidak terlepas ataupun sunyi daripada perkara-perkara baharu sedangkan maḥmūlnya pula ialah baharu. Natijah bagi kedua-dua al-muqaddimah ini menghasilkan mawḍū‘ dan maḥmūl yang baharu dan memotong ḥad al-awsaṭ bagi kedua-dua al-muqaddimah itu iaitu tidak terlepas ataupun sunyi daripada perkara-perkara yang baharu. Oleh itu natijah bagi kedua-dua al-muqaddimah tersebut ialah alam ini baharu di mana ‘alam’ merupakan mawḍū‘ sedangkan ‘baharu’ menjadi maḥmūl bagi al-natijah.

KESIMPULAN

Maka jelaslah di sini bahawa hujah akal yang tersusun menerusi beberapa qaḍiyyah serta mentaṣḍiqkan natijah itu merupakan taṣḍīq secara naẓarī sahaja. Adapun taṣḍīq yang ḍarūrī tidak memerlukan penyusunan hujah akal untuk menyampaikan sesuatu yang maklum bahkan tanpa berhajat kepada berfikir yang panjang bagi mendapati hasilnya. Justeru itu, dalil dalam pegangan hati yang yakin memerlukan taṣḍīq naẓarī bagi membuktikan bahawa benar sekali ketuhanannya Allah SWT kepada semua manusia sama ada yang sudah Islam mahupun kafir seperti ateis dan sebagainya. Taṣḍīq naẓarī ini menjadi suatu elemen yang penting bagi seseorang manusia khususnya dalam bab akidah agar pegangan tauhidnya terjaga daripada terjerumus ke lembah kesesatan apabila muncul ideologi-ideologi sesat yang lain dalam menghancurkan keyakinan umat Islam yang selama ini mereka berpegang teguh kepadanya.

RUJUKAN

- Ab. Latif bin Muda & Rosmawati bin Ali @ Mat Zin, (2009). *Pengantar Ilmu Mantik*. Kuala Lumpur :Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- ‘Awḍullah Ḥijāzī, (2016). *Al-Murshid al-Salīm fī al-Manṭiq al-Hadīth Wa al-Qadīm*. Kuala Terengganu : Dār ‘Umar al-Mukhtār.
- Al-Bantānī, Muḥammad Nawawī, (2007). *Sharah Tijān al-Dararī ‘Alā Risālah fī ‘Ilm al-Tawḥīd li al-‘Allāmah al-Bājūrī*. Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Al-Batāwī, Muḥammad Mukhtār bin ‘Aṭarid, (t.t). *Inilah Kitab Uṣul al-Dīn ‘Itiqād Ahl al-Sunnah Wa al-Jama‘ah*. Pulau Pinang : Percetakan Nahdi.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad, (2005). *Hāshiyah al-Bājūrī ‘Alā Matan al-Sullam*. Indonesia : Al-Ḥaramayn Jaya Indonesia.
- _____, (2012). *Hāshiyah al-Bayjūrī ‘Alā Matan al-Sanūsiyyah*. Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- _____, (2014). *Tuḥfah al-Murīd ‘Alā Jawharah al-Tawḥīd*. Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Al-Buḥayrī, Abī Ziyād Muḥammad bin Sa‘īd, (t.t). *Al-Mukhtaṣar al-Wajīz fī Sharḥ al-Sullam al-Munawraq fī ‘Ilm al-Manṭiq li al-Akhḍarī*. t.t.p : t.p.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, (1996). (Keyakinan Hakiki) (trj. Muhammad Sulaiman Yassin). Petaling Jaya : Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Damanhūrī, Aḥmad bin ‘Abd al-Mun‘im, (2011). *Īdāḥ al-Mubham Min Ma‘āniy al-Sullam*. Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- _____, (2016). *Īdāḥ al-Mubham Min Ma‘āniy al-Sullam*. t.t.p : Dār al-Imām al-Shāfi‘ī.
- Al-Dusūqī, Muḥammad bin Aḥmad, (2012). *Hāshiyah al-Dusūqī ‘Alā Sharah Umm al-Barāhīn*. Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Al-Faṭānī, ‘Abdullah bin Ibrāhīm, (t.t). ‘Umdah al-Ṭālib al-Mujtahid fī Sharḥ Farīdah al-Farā‘id fī Darajah Ibtidā’ Ta‘allum ‘Ilm al-‘Aqā‘id Targhībān fī Fawz al-Farā‘id al-Fawā‘id. Mesir : Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlādih.
- _____, ‘Abd al-‘Azīz bin Ismā‘īl, (t.t). *Risālah al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Ma‘rifah Allah al-Qadīr*. t.t.p : Maktabah Hājah Ḥafṣah.
- _____, Aḥmad bin Muḥammad Zayn, (t.t). *Farīdah al-Farā‘id fī ‘Ilm al-‘Aqā‘id*. Patani : Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- _____, Dāwūd bin ‘Abdullah, (t.t). *Al-Dur al-Thamīn Pada Menyatakan ‘Itiqād Segala Orang Yang Mukminin*. Patani : Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- _____, Muḥammad bin ‘Abd al-Qādir, (t.t). *Khulāṣah al-Jawāhir fī Taṣfiyah al-Khawāṭir*. Patani : Maṭba‘ah Saudara Farīs.
- _____, Zayn al-‘Ābidīn bin Muḥammad, (t.t). *‘Aqīdah al-Nājīn fī ‘Ilm Uṣūl al-Dīn*. Patani : Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, (2003). *Al-Iqtisād fī al-‘Itiqād*. Beirut : Dār Qutaybah.
- Al-Ibrāhīmī, Muḥammad Nūr, (1937). *‘Ilm al-Manṭiq Li al-Madāris al-‘Arabiyyah Wa al-Ma‘āhid al-Dīniyyah Bi Indūnisiyā*. Kaherah : Sharikah Maktabah Wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlādih.

- Al-Jundī, ‘Abd al-Raḥīm bin Farj, (t.t). Sharḥ al-Sullam fī al-Mantiq li al-Akhḍarī. t.t.p : Dār al-Qawmiyyah al-‘Arabiyyah.
- Muhammad Rashidi bin Wahab & Mohd Faizul bin Azmi, (2013). ‘Kedudukan Akal Dalam Pendalilan Akidah’ dalam Jurnal Teknologi Jilid 1 Julai 2013, h. 31-39. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Muḥammad Zayn bin al-Faqīh Jalāl al-Dīn, (t.t). Bidāyah al-Hidāyah Sharah Matan Umm al-Barāhīn. Patani : Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- Al-Najār, Bilāl Ḥamdān, (2016). Ḥāshiyah Bilāl ‘Alā Īdāḥ al-Mubham Min Ma‘aniy al-Sullam. t.t.p : t.p.
- Al-Sa‘dī, ‘Abd al-Mālik, (2011). Al-Sharḥ al-Wāḍiḥ al-Munassaq li Naẓm al-Sullam al-Murawnaq. t.t.p : Dār al-Nūr al-Mubīn li al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- Al-Shanjūrī, Miftāḥ bin Ma‘mūn, (t.t). Al-Miftāḥ ‘Alā Taḥrīr al-Qawā‘id al-Mantiqiyyah. Indonesia : Al-Ma‘had al-Islāmī al-Salafī.
- Al-Shanqītī, Muḥammad bin Maḥfūz, (2007). Al-ḍaw’ al-Mashriq ‘Alā al-Sullam al-Mantiq li al-Akhḍarī. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sharqāwī, ‘Abdullah bin Ḥijāzī, (2013). Ḥāshiyah al-Sharqāwī ‘Alā Sharah al- Hudhudī. Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Al-Shiyrwānī, ‘Alī, (t.t). Al-Tamhīd fī ‘Ilm al-Mantiq.t.t.p : Muassasah Intishārāt Dār al-‘Ilm.
- Al-Sumbāwī, Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad, (t.t). Sirāj al-Hudā Pada Menyatakan ‘Aqīdah Ahli Taqwa. Patani : Maṭba‘ah Ibn Halābī.
- Al-Urmī, Muḥammad al-Amīn bin ‘Abdullah, (2015). Al-Kawkab al-Mashriq fī Samā’i ‘Ilm al-Mantiq ‘Alā al-Sullam al-Munawraq. Arab Saudi : Dār al-Minhāj.
- Al-Quwaysinī, Ḥasan Darwīsh, (2014), Sharḥ al-Shaykh Ḥasan Darwīsh al-Quwaysinī ‘alā al-Sullam fī al-Mantiq. Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.